

## **LEMBARAN PENERANGAN PRODUK SCC I CASH**

### **1. Latar belakang produk.**

SCC i Cash merupakan produk pembiayaan jangka pendek yang diberikan kepada pelanggan untuk kegunaan peribadi mereka. Produk ini merupakan kemudahan kredit berputar (revolving) secara Islamik.

### **2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**

Bay al-'Inah (Penjualan dan Pembelian Semula)

Bay al-'Inah merupakan gabungan beberapa siri kontrak di mana dalam kontrak penjualan pembeli (pelanggan) membeli aset daripada penjual (SCC) dengan harga jualan yang dibayar secara ansuran bulanan. Dalam kontrak pembelian pula SCC kemudiannya membeli aset daripada pelanggan dengan harga belian yang sama jumlah pembiayaan yang dipohon. Proses ini akan berulang setiap kali pelanggan memohon pembiayaan kepada SCC melalui Notis Penggunaan dan pelaksanaan Memorandum Penjualan Aset kemudiannya Memorandum Pembelian Aset.

#### **Struktur/Prosedur**

- Pelanggan memohon pembiayaan daripada SCC;
- SCC mengeluarkan Surat Tawaran;
- Pelanggan menandatangani Memorandum Penerimaan dalam Surat Tawaran;
- Pelanggan diberikan had kemudahan kredit aliran tunai
  
- Pelanggan menghantar Notis Penggunaan Kemudahan kepada SCC;
- Pelaksanaan Memorandum Penjualan Aset / Pembelian Semula Aset
  
- Surat Tawaran Tambahan (jika perlu).

### **3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?**

Had Kemudahan Kredit sehingga RM 200,000.00 (maksima)

Kadar Keuntungan: 4.50% setahun (Kadar tetap)

Tempoh bayaran pembiayaan sehingga 120 bulan (maksima)

**4. Apakah fi dan caj yang perlu saya tanggung?**

- i. Duti Setem : seperti termaktub dalam Akta Duti Setem 1949 (Kemas kini);
- ii. Tiada yuran komitmen ke atas jumlah had kemudahan kredit aliran tunai yang tidak digunakan;

**5. Bagaimana sekiranya saya gagal menjalankan tanggungjawab saya?**

Pelanggan perlu membayar caj bayaran lewat ("CBL") seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

**6. Bolehkah pelanggan membuat penyelesaian awal sebelum tempoh Kemudahan matang?**

- i. Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal sebelum tempoh Kemudahan matang TANPA sebarang caj.
- ii. SCC akan memberi ibra' (rebat) apabila pelanggan melakukan penyelesaian awal, sepertimana yang digariskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

**7. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan Takaful?**

Pelanggan diwajibkan untuk mengambil Perlindungan Takaful.